

# AKTIVITI KEUSAHAWANAN: PENGURUSAN SEKOLAH MENYOKONG USAHA PELAJAR

S elaras dengan objektif kerajaan yang menekankan semangat keusahawanan di kalangan mahasiswa/i, banyak aktiviti-aktiviti jualan dijalankan oleh pelajar-pelajar samada berbentuk kelas projek, kelab atau sebagainya. Usaha begini walaupun nampak agak kecil tetapi ia sebenarnya memberi faedah dalam membina kecenderungan pelajar bagi meminati bidang keusahawanan. Selaras dengan penerapan mata pelajaran wajib Keusahawan yang diperkenalkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi baru-baru ini, ia cukup jelas membawa mesej peri pentingnya menanamkan budaya keusahawanan di kalangan siswazah sebagai salah satu pilihan kerjaya mereka kelak. Sekolah Perniagaan & Ekonomi yang turut membawa peranan ini begitu komited menyokong sebarang usaha dan aktiviti perniagaan yang dijalankan oleh pelajar-pelajar SPE di sekitar bangunan SPE. Kekurangan ruang yang sesuai tidak menjadi penghalang kepada usaha dan minat pelajar-pelajar terbabit. Pihak sekolah dan Pusat Keusahawan sedang dalam usaha menyediakan tapak yang sesuai bagi kemudahan pelajar-pelajar menjalankan aktiviti keusahawanan di masa hadapan.

